

Generasi Ulul Albab bermula di Tadika Hadhari, Sekolah Imtiaz

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri sudah melaksanakan pelbagai program dalam merealisasikan usaha mewujudkan generasi Ulul Albab bermula di peringkat awal sekolah seperti penubuhan Tadika Hadhari serta mewujudkan Sekolah Imtiaz yang menekankan pengajaran sains dan teknologi tanpa meminggirkkan pengajaran al-Quran.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Said, berkata sejak mengambil alih pemerintahan negeri daripada pembangkang, bekas Menteri Besar yang lalu, Datuk Seri Idris Jusoh, sudah melaksanakan pelbagai program dalam mewujudkan generasi bercirikan ensiklopedik, ijihadik dan Quranik dalam melahirkan masyarakat Islam berdaya maju, mampu bersaing serta mempunyai pemikiran global.

"Kesedaran sudah diwujudkan bermula daripada pendidikan awal kanak-kanak dengan menubuhkan Tadika Hadhari, memastikan kanak-kanak memahami dan mengetahui isi kandungan al-Quran serta menubuhkan Sekolah Imtiaz.

"Ciri paling utama dan paling penting adalah mewujudkan masyarakat Islam yang memahami isi kandungan al-Quran serta dapat menghayatinya dalam kehidupan mereka seharian," katanya selepas merasmikan Seminar Ulul Albab dan Astronomi Islam anjuran bersama Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kerajaan Negeri dan Taman Tamadun Islam (TTI) di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor UMT, Prof Dr Abdul Majid Mohd Isa.

Ahmad berkata, walaupun program Ulul Albab sudah dimulakan sejak 2004, kerajaan akan melaksanakan pelbagai program berkaitan bagi memastikan ia dapat dicapai.

"Ia bukan usaha yang mudah sebaliknya sangat memerlukan pengorbanan, penghayatan serta komitmen bagi memastikan ia dapat direalisasikan.

"Asas sebenarnya sudah ada dan sudah mula dibangunkan, yang paling penting kini adalah memastikan ia dapat terus berkembang dan disburkan lagi dengan pengisian supaya ia dapat terus membangun," katanya.